



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# Garis Panduan **PENSIJILAN PROFESIONAL DAN KOMPETENSI PELAJAR** UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PUSAT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK



KHAS P



**Disediakan oleh:**

Prof. Madya Ts. Dr. D'oria Islamiah binti Rosli (Ketua Editor)

Prof. Dr. Erween bin Abd Rahim

Prof. Madya Dr. Rosli bin Omar

Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shalahuddin Bin Adnan

Prof. Madya Ts. Dr. Rafikullah bin Deraman

Prof. Madya Dr. Noor Azah binti Samsudin

Dr. Abul Khair bin Anuar

Br. Dr. Hairuddin bin Mohammad

Dr. Faiz Asraf bin Saparudin

Dr. Syahira binti Mansur

Dr. Lutfiah Natrah binti Abbas @ Ahmad

Ts. Dr. Ahmad Fahmy bin Kamarudin

Pn. Norsaleha binti Ali

# KANDUNGAN

## DEFINISI

1.0	PENGENALAN	4
2.0	OBJEKTIF	5
3.0	SKOP PENSIJILAN	5
4.0	KRITERIA PEMILIHAN BAGI PENAWARAN PENSIJILAN	6

# KANDUNGAN

5.0	MODEL PENSIJILAN PROFESIONAL DAN KOMPETENSI	6
6.0	PELAKSANAAN KURSUS PENSIJILAN	8
7.0	PERANAN UNIVERSITI DAN BADAN PENSIJILAN	9
8.0	YURAN	12
9.0	PENUTUP	13

## **GARIS PANDUAN PENSIJILAN PROFESIONAL DAN KOMPETENSI PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **DEFINISI**

“**Pensijilan Profesional**” bermaksud pentauliahan kepada pelajar yang berkelayakan untuk mendapatkan sijil pengiktirafan daripada badan-badan profesional yang diiktiraf.

“**Pensijilan Kompetensi**” bermaksud perakuan kompetensi berasaskan piawaian kemahiran kepada pelajar yang layak melaksanakan skop kerja yang memerlukan pemantauan oleh personel yang bertauliah.

Secara umumnya, Pensijilan Profesional Dan Kompetensi adalah proses pengiktirafan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pelajar melalui satu sistem pentaksiran yang akan membawa kepada penganugerahan sijil. Pelajar akan dianugerahkan sijil setelah menyelesaikan modul atau lulus peperiksaan yang melibatkan badan profesional atau pentauliahan oleh organisasi yang dilantik berpandukan piawaian yang ditetapkan.

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pensijilan Profesional Dan Kompetensi adalah bertujuan untuk merealisasikan usaha menghasilkan graduan yang holistik dan seimbang selaras dengan Lonjakan Satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPMPT).
- 1.2 Pensijilan ini juga diyakini dapat meningkatkan daya saing graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma UTHM di dalam pasaran pekerjaan melalui penguasaan teknik dan kaedah berasaskan aplikasi dan amalan bersesuaian dengan UTHM sebagai salah sebuah Universiti Teknikal di Malaysia.
- 1.3 Ini adalah selaras dengan saranan pihak pengurusan UTHM iaitu pensijilan profesional atau kompetensi, perlu ditawarkan di UTHM agar program akademik UTHM relevan dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.
- 1.4 Berdasarkan kepada hasrat tersebut, setiap program akademik di peringkat Sarjana Muda dan Diploma perlu menawarkan kursus pensijilan yang boleh memberikan nilai tambah kepada pelajar. Kursus yang ditawarkan ini boleh membawa kepada pengiktirafan sama ada dari badan profesional atau dari badan pensijilan kompetensi yang sekaligus akan meningkatkan keboleh pasaran graduan.

- 1.5 Justeru, garis panduan ini diwujudkan sebagai rujukan kepada Fakulti dan Pusat Pengajian dalam melaksanakan kursus pensijilan profesional atau kompetensi di UTHM.

## **2.0 OBJEKTIF**

Pensijilan Profesional Dan Kompetensi ini bertujuan:

- 2.1 Menyokong inisiatif universiti dalam melahirkan graduan yang profesional, seimbang dari aspek akademik dan kemahiran selaras dengan keperluan badan profesional dan pentauliahan, selain memenuhi keperluan industri.
- 2.2 Meningkatkan kompetensi pelajar dalam pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang menyumbang ke arah kerjaya pelajar.
- 2.3 Membolehkan pelajar mempunyai daya saing yang tinggi dalam mendapatkan pekerjaan selepas bergraduan.

## **3.0 SKOP PENSIJILAN**

- 3.1 Setiap program akademik Sarjana Muda dan Diploma di Fakulti dan Pusat Pengajian perlu menawarkan pensijilan yang boleh digunakan bagi mendapatkan sekurang-kurangnya satu (1) sijil profesional atau sijil kompetensi.

- 3.2 Pensijilan profesional atau kompetensi adalah digalakkan kepada semua pelajar Sarjana Muda dan Diploma sebagai nilai tambah dalam sijil akademik pelajar.
- 3.3 Pelaksanaan pensijilan profesional atau kompetensi adalah tertakluk kepada fakulti masing-masing dengan mengambil kira pelan pengajian pelajar.

#### **4.0 KRITERIA PEMILIHAN BAGI PENAWARAN PENSIJILAN**

- 4.1 Fakulti dan Pusat Pengajian perlu menawarkan pensijilan profesional atau kompetensi bidang dan program melalui tatacara yang boleh ditetapkan oleh Fakulti dan Pusat Pengajian berdasarkan keperluan sesuatu kursus.
- 4.2 Pensijilan tersebut perlulah memenuhi keperluan semasa industri dan memiliki ciri-ciri sijil yang mematuhi piawaian *standard* badan profesional dan pentauliahan.
- 4.3 Kos atau yuran pensijilan perlulah sesuai dengan kemampuan pelajar. Oleh yang demikian, Fakulti dan Pusat Pengajian perlu menawarkan sijil dengan kos berpadanan dengan kadar kutipan yuran.



## **5.0 MODEL PENSIJILAN PROFESIONAL DAN KOMPETENSI**

Model pensijilan terbahagi kepada dua (2) model iaitu Terterap (*Embedded*) dan Mandiri (*Stand-alone*).

### **5.1.1 Model Kursus Pensijilan Secara Terterap (*Embedded*)**

Model pensijilan secara terterap merujuk kepada kandungan modul daripada pensijilan profesional atau kompetensi yang diterapkan ke dalam kursus-kursus program akademik sedia ada. Pelajar perlu mengambil satu atau gabungan beberapa kursus bagi melengkapkan pensijilan profesional atau kompetensi.

### **5.1.2 Model Kursus Pensijilan Secara Mandiri (*Stand-alone*)**

Model pensijilan mandiri adalah modul yang ditawarkan oleh agensi pensijilan luar yang membawa kepada pengiktirafan profesional atau kompetensi. Ini meliputi kursus tambahan yang merupakan bukan daripada kurikulum program.

## **6.0 PELAKSANAAN KURSUS PENSIJILAN**

Pelaksanaan kursus pensijilan profesional atau kompetensi pelajar perlu dilaksanakan berpandukan perkara berikut:

### **6.1 Pelaksanaan Kursus Pensijilan**

- 6.1.1 Pelaksanaan kursus pensijilan boleh dijalankan mengikut kalendar akademik UTHM ataupun di luar waktu kalendar akademik bergantung kepada kursus pensijilan yang dilaksanakan.
- 6.1.2 Pelaksanaan kursus pensijilan perlu dilakukan sebelum pelajar mendapat status Kedudukan Baik Tamat Program (KBTP) atau Graduan.
- 6.1.3 Pelantikan staf yang terlibat dengan pelaksanaan kursus pensijilan perlu dilantik oleh Dekan fakulti atau setaraf.
- 6.1.4 Taklimat kepada pelajar-pelajar yang terlibat perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan kursus pensijilan berlangsung.
- 6.1.5 Pemantauan pelaksanaan kursus pensijilan perlu dibuat oleh jawatankuasa pensijilan di peringkat fakulti.
- 6.1.6 Pelaporan pelaksanaan kursus pensijilan perlu dibentangkan dalam mesyuarat jawantakuasa akademik fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan fakulti atau setaraf.

## 6.2 Terma Kerjasama

6.2.1 Terma kerjasama diadakan dengan agensi pensijilan bagi tujuan pengurangan bayaran yuran pensijilan dan memudah cara proses pensijilan. Terdapat pelbagai kaedah pensijilan dan ia tertakluk kepada terma kerjasama agensi pensijilan.

6.2.2 Persetujuan bersama (*mutual understanding*) perlu dicapai dalam menentukan jenis pentauliahannya yang akan diberikan kepada pelajar melalui kaedah seperti berikut:

- i. Sijil kompetensi *certified ready* dikeluarkan oleh syarikat/ agensi pensijilan;
- ii. Sijil *certified ready* dikeluarkan oleh UTHM secara berasingan/ bersama dengan agensi pensijilan; atau
- iii. Sijil kompetensi dikeluarkan oleh UTHM.

## 7.0 PERANAN UNIVERSITI DAN BADAN PENSIJILAN

### 7.1 Peranan Universiti

7.1.1 Mewujudkan Pelatih Bertauliah (*Certified Trainer*) di Kalangan Staf Akademik.

- i. Staf akademik akan dihantar bagi menjalani kursus pentauliahannya supaya menjadi pelatih bertauliah (*certified trainer*) yang boleh membantu dalam mengurangkan kos pelaksanaan kursus pensijilan.

- ii. Kursus pensijilan ini juga bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf akademik dalam bidang tugas masing-masing.
- iii. Staf akademik bertauliah yang berkhidmat di UTHM perlu menjadi tenaga pengajar semasa pelaksanaan kursus pensijilan profesional atau kompetensi pelajar bila diperlukan.
- iv. Pemilihan staf akademik dan pelaksanaan kursus pensijilan akan dipantau oleh jawatankuasa pensijilan di peringkat fakulti.
- v. Kos pentauliahahan bagi staf akademik akan ditanggung oleh universiti dan akan diselaraskan oleh Pejabat Pendaftar.
- vi. Staf yang tidak dapat menamatkan kursus dan/ atau peperiksaan pentauliahahan dengan jayanya tanpa sebarang alasan yang munasabah perlu menggantikan semula kos latihan yang dikeluarkan oleh universiti.

#### 7.1.2 Menubuhkan Jawatankuasa Pensijilan di Peringkat Fakulti.

- i. Pelaksanaan kursus pensijilan profesional atau kompetensi memerlukan satu wadah rasmi iaitu jawatankuasa pensijilan di peringkat fakulti bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang menjadi lebih berkesan dan terancang.
- ii. Fakulti menubuhkan jawatankuasa pensijilan di peringkat fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan fakulti.
- iii. Fakulti perlu memantau lejar kewangan bagi memastikan tiada tunggakan yuran pensijilan.

- iv. Setiap aktiviti yang telah dirancang perlu dibentangkan dalam jawatankuasa bagi mendapatkan kelulusan pelaksanaan.
- v. Jawatankuasa pensijilan di peringkat fakulti berperanan dalam perkara berikut:
  - a. mengenal pasti staf akademik yang berkelayakan dan bersesuaian untuk menjalani kursus pentauliahian.
  - b. memastikan semua pelajar di fakulti mengikuti kursus pensijilan profesional atau kompetensi.
  - c. menyusun jadual pensijilan profesional atau kompetensi.
  - d. mengemukakan modul-modul baharu pensijilan yang memenuhi pasaran.
  - e. memastikan pelaksanaan kursus yang lestari.
  - f. menyimpan data pentauliahian staf akademik dan pelajar.
  - g. memantau pelaksanaan pensijilan secara berterusan dan membuat pelaporan secara berkala di mesyuarat jawatankuasa akademik di fakulti.

## **7.2 Peranan Badan Pensijilan**

- i. Memberi maklum balas modul-modul pensijilan yang bersesuaian dengan program di universiti.
- ii. Melaksanakan kursus pensijilan dan penilaian mengikut persetujuan bersama yang telah dicapai di antara universiti dan agensi pensijilan.

## 8.0 YURAN

- 8.1 Jumlah yuran yang perlu dibayar oleh seorang pelajar adalah sejumlah RM500.00 sepanjang pengajian untuk pensijilan profesional atau kompetensi.
- 8.2 Jumlah yuran ini akan dicaj kepada pelajar melalui yuran pengajian sebanyak RM125.00 setiap semester (tempoh caj maksimum 4 semester).
- 8.3 Kutipan yuran pensijilan melalui yuran pengajian pelajar bertujuan untuk membantu pelajar agar tidak terkesan dengan pembayaran yuran pensijilan dalam jumlah yang besar pada satu masa.
- 8.4 Kos pelaksanaan pensijilan profesional atau kompetensi boleh merangkumi perkara-perkara berikut:
- i. bayaran tenaga pengajar luar. Selain itu, bayaran kepada tenaga pengajar daripada kalangan Staf Universiti juga boleh diberikan pertimbangan tertakluk kepada kelulusan Universiti / pekeliling berkuatkuasa,.
  - ii. bayaran pentadbiran termasuk cetakan, alat tulis, sijil kehadiran, makan dan minum.
  - iii. sewaan makmal.
  - iv. yuran peperiksaan (hanya kursus yang berkaitan).
  - v. bayaran elaun lebih masa kepada staf sokongan yang terlibat dalam penjagaan makmal.

vi. bayaran bahan latihan kepada badan pemberi sijil (jika ada).

8.5 Pelajar perlu membayar yuran tambahan sekiranya:

- i. pelajar gagal mengikuti pensijilan dengan jayanya dan membuat pendaftaran semula untuk pensijilan yang sama atau pensijilan yang berbeza.
- ii. pelajar memohon mengambil pensijilan tambahan.
- iii. Bagi perkara (v), pembayaran perlu dilakukan kepada bendahari mengikut tatacara pembayaran universiti yang sedang berkuatkuasa.

8.6 Lebihan yuran akan dipulangkan semula kepada pelajar yang terlibat.

8.7 Yuran tidak akan dipulangkan semula kepada pelajar sekiranya pelajar tidak menamatkan pengajian/ tarik diri/ diberhentikan/ tidak aktif daripada pengajian.

8.8 Sekiranya terdapat permohonan tuntutan bayaran kos selain daripada kos pelaksanaan kursus pensijilan, maka pihak fakulti boleh berbuat demikian dengan menggunakan tatacara kewangan sedia ada yang diguna pakai oleh universiti.

## **9.0 PENUTUP**

Pelaksanaan pensijilan profesional atau kompetensi kepada pelajar merupakan salah satu alternatif dalam usaha menghasilkan graduan yang

holistik serta berdaya saing dalam arus pemodenan masa hadapan. Justeru, Panduan Pensijilan Profesional Dan Kompetensi Pelajar ini perlu dijadikan sebagai dokumen rujukan dalam pelaksanaan kursus pensijilan di peringkat fakulti bagi melancarkan proses pelaksanaan pensijilan yang berstruktur dan terancang di UTHM.